# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 22 BILANGAN 21 | RABU 25HB. MEI, 1977. | رابو 6 جماديالاخير 1397 | PERCHUMA


## Pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan nekmati perubahan tangga-gaji baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail mengingatkan dengan memberi amaran kapada ahli2 peniaga di-negeri supaya tidak akan menaikkan harga barang2 dengan sa-wenang2-nya berikutan dengan kenaikan gaji baru yang di-keluarkan minggu lepas.

Yang Amat Mulia menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, akan terus menerus mengambil tindakan yang tegas kapada mereka yang senghaja berbuat demikian termasok-lah mendedahkan mereka kapada umum dan menghadapkan ka-mahkamah untok tujuan2 keadilan.

Yang Amat Berhormat itu bersabda demikian ketika mengumumkan kenaikan gaji dan perubahan sharat2 perkhidmatan bagi pegawai dan kaki-tangan Kerajaan menerusi siaran Talivishen Brunei atas perkenan dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru2 ini.



Y.A.M. Pg Dipa Negara Laila Diraja Pg Abd Momin.

## PENIAGA2 DI-BERI AMARAN SUPAYA JANGAN MENAIKKAN HARGA2 BARANG

Yang Amat Berhormat juga menyeru orang ramai di-negeri ini supaya akan lebeh giat memberikan kerjasama kapada pegawai2 yang di-tugaskan mengawal harga barang2 supaya mereka yang melanggar amaran itu di-ambil tindakan yang tegas.

Dalam sabda pengumuman kenaikan tangga-gaji dan sharat2 perkhidmatan pada malam Rabu, 18hb Mei itu, Yang Amat Berhormat juga menjelaskan bahawa kenaikan tersebut di-harapkan akan dapat menimbal pada mengatasi masaalah2 inflasi yang sedang di-alami pada masa ini.

Yang Amat Mulia bersabda, dalam menyedari betapa penting-nya keadaan sekarang, satu kenaikan yang menyeluroh mustahak di-adakan bagi semua kaki-tangan Kerajaan samada pegawai2 tetap, berkontrek, dari sa-bulan ka-sa-bulan, open vote dan mereka yang bergaji hari.

Antara garis2 kasar mengenai kenaikan gaji itu, sabda Yang Amat Berhormat itu lagi, satu usaha pada mensaimbangkan tangga-gaji dan sharat2 perkhidmatan di-antara pasokan2 keselamatan — Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasokan Pulis Diraja Brunei serta Jabatan Perisek dan Keselamatan kapada suatu kenaikan dan perubahan2 yang di-fikirkan berpatutan telah pun Baginda perkenankan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah juga memperkenankan kenaikan tersebut di-laratkan kapada Pegawai2 Kerajaan yang sedang bersara yakni sa-lain dari kenaikan yang telah di-korniakan melalui Pindaan Undang2 Penchen Negara baru2 ini, tambah Yang Amat Berhormat.

"Perubahan2 ia-itu pada menambah kadar2 bantuan yang di-salorkan melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, telah juga Baginda perkenankan, pada menimbal ka-arah mengatasi masaalah2 yang di-hadapi oleh penerima2 bantuan kebajikan itu; saperti penchen tua, bantuan bagi orang2 chachat dan sa-umpama-nya" sabda Yang Amat Mulia itu.

Menyentoh kaki-tangan Kerajaan yang kepupusan tangga-gaji dalam tempoh 5 dan 8 tahun sekarang ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan, untok mengatasi masaalah kepupusan tangga-gaji mereka itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah juga memperkenankan supaya semua tangga-gaji2 yang di-dalam Bahagian III ka-bawah ada-lah di-panjangkan tangga-gaji2-nya kapada suatu perengkat yang sekarang dapat di-masoki sa-bagaimana yang lazim tangga-gaji2 yang biasa.

"Dengan kedudokan ini saya penoh perchaya kesulitan yang sering di-tempoh oleh mereka yang telah pupus gaji-nya itu, insha Allah, akan dapat di-atasi," sabda Yang Amat Mulia.

Yang Amat Berhormat menjelaskan bahawa perubahan2 tangga-gaji yang di-istiharkan itu akan di-mulai pada 1hb Januari, 1977.

Dengan kornia itu, jelas beliau hanya lebeh sedikit dari tempoh tiga tahun kita di-negeri ini di-korniakan satu perubahan tangga-gaji2 dan sharat2 perkhidmatan. Perubahan tangga-gaji terakhir ia-lah dalam bulan Disember 1973.

Berikutan dengan perubahan tangga-gaji baru itu, Yang Amat Mulia menjelaskan bahawa sa-tiap kaki-tangan Kerajaan yang bergaji bulan akan menerima gaji permulaan tidak kurang dari $306 sa-bulan sementara bagi mereka yang bergaji hari tidak kurang dari $11.40 sa-hari, yang mana ini ada-lah merupakan suatu perkara yang istimewa bagi pekerja2 di-negeri ini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, jelas Yang

Lihat muka 12

## AWASI ANASIR2 YANG INGIN MEMECHAH-BELAH SA-SAMA KITA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyeru semua kaki-tangan Kerajaan supaya menyedari kenaikan2 dan perubahan gaji baru itu ada-lah satu perkara yang telah di-susun sa-chara konstraktif, dan tiap2 susunan itu mempunyai tujuan2 yang tertentu demi untok kebajikan seluroh perkhidmatan.

Dengan sebab itu kita hendak-lah berjaga2 terhadap anasir2 atau pun unsor2 yang chuba hendak menggunakan sa-suatu kenaikan atau susunan tangga gaji itu sa-bagai asas bagi memechah belahkan di-antara sa-sama kita atau untok menimbulkan perasaan dengki di-antara satu sama lain; sama ada dengan chara menimbulkan kenyataan2 yang tidak betul mau pun menggunakan kenyataan2 yang ada dengan menyelewengkan tujuan asal yang sa-benar-nya, tambah beliau.

**Akhbar Borneo Bulletin, dalam keluaran-nya pada 21hb Mei, minggu lalu, melaporkan bahawa "Guru" tidak termasok dalam kenaikan tangga gaji baru itu. Mengulas laporan tersebut, Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Abdul Razak bin Haji Mohammad, menafikan laporan akhbar tersebut sabagai tidak berasas sama sekali; dan menekankan bahawa "Guru2" juga sama menekmati kenaikan gaji baru itu.**

Beruchap merasmikan sokan tahunan Sekolah St Andrew's, di-padang SMJA sini, Khamis lepas, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu juga menekankan perkara kenaikan dan tangga gaji baru dan keistimewaan-nya itu ada-lah satu2-nya yang sensitif dan chukop senang di-pergunakan oleh mereka yang tidak bertanggong-jawab atau pun atas rasukan iblis.

"Dari itu biar-lah keshukoran kita itu kita tumpukan kapada perasaan yang tabah dan kuat, berpegang kapada keimanan yang tidak dapat di-gonchang, tidak dapat di-gugat dan tidak dapat di-hasut. Biar-lah unsor2 yang tidak baik itu kita *'ibunkan'* saja dan Insha Allah, keshukoran yang berpegang kuat kapada keimanan dan berasaskan perkara2 yang kebajikan itu akan tetap menchapai kebahagiaan sama ada di-dunia mau pun di-akhirat", ujar beliau.

Beliau lalu mengetengahkan pendapat-nya bahawa dalam kita sama2 menekmati kelebehan2 pendapatan itu, ada baik-nya kelebehan2 sa-demikian tidak kesemuanya di-belanjakan ibarat: "Masok poket kanan keluar poket kiri atau kaya2 Bajau." Biar-lah seberapa yang terdaya perbelanjaan kita sa-tiap hari di-samakan atau pun di-lebehkan sedikit sahaja daripada yang sudah2 dan mana2 jua kelebehan pendapatan hasil dari kenaikan gaji itu, chuba-lah di-jimat-chermatkan dengan jalan di-jadikan *wang simpanan* untok kegunaan di-masa2 yang akan datang.

Lihat muka 12

## Sumbangan belia akan di-binchang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Apa-kah sumbangan Majlis Belia2 Negeri Brunei dalam menjayakan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam bulan Julai ini akan merupakan agenda penting dalam mashuarat Jawatankuasa Tertinggi Majlis itu di-Pusat Belia pada hari Jumaat, 27hb Mei ini mulai pukul 8.30 pagi.

Juruchakap Majlis itu memberi tahu Pelita bahawa jawatankuasa perayaan tersebut telah pun memutuskan untok mengadakan persembahan2 aneka warna dari belia2 dan tugas itu di-serahkan kapada MBB untok menyelenggarakan-nya.

Mashuarat itu, kata-nya, akan menggariskan chorak2 persembahan keramaian di-samping merangka sembah ikrar taat setia belia2 negeri ini kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Keputeraan Baginda itu.

Sa-lain dari itu, mashuarat tersebut akan mengkaji perkembangan2 akhir untok menyelenggarakan "operasi berseh" di-Jalan Gadong pada hari Ahad, 29hb Mei ini.

Mashuarat itu juga akan mengkaji pemilehan chalun2 belia negeri ini untok di-hantar ka-Singapura bagi mengikuti kursus lanjutan kepemimpinan yang akan di-langsongkan di-republik itu tidak lama lagi.

Juruchakap MBB itu mengingatkan ahli2 jawatankuasa tertinggi pusat supaya menghadhiri mashuarat itu dengan sa-berapa yang boleh.



PENYELIA Sekolah2 Rendah Melayu Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Julaihi bin Sulaiman sedang menyampaikan Piala Rebutan kapada wakil Sekolah Melayu Pusar Ulak yang telah menjadi johan dalam pameran itu.

# Pameran Senilukis bagi Brunei I S.M. Pusar Ulak jadi johan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para guru2 perlu memberi galakan kapada murid2 demi untok mechungkil bakat kanak2 dalam menghasilkan lukisan2 dan kerjatangan2 yang bermutu bagi mecherminkan identiti Brunei.

Demikian antara lain yang di-tekankan oleh Penyelia Sekolah2 Rendah Melayu Daerah Brunei dan Muara, Awg Haji Julaihi bin Sulaiman ketika merasmikan Pameran Senilukis dan Pertukangan Tangan Sekolah2 Rendah Melayu Brunei I yang telah langsongkan di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak pada pagi Sabtu lepas.

Dalam uchapan perasmian-nya itu Awang Haji Julaihi juga menyeru guru2 bagi memupok minat dan menggalakkan murid2 supaya berani memperlihatkan usaha2 mereka samada dalam bidang lukisan atau pun kerja2 tangan dipameran2 yang sa-umpama itu.

Pehak Jabatan Pelajaran, tambah beliau lagi, tidak sahaja sa-takat menitek beratkan usaha2 saperti dalam pertandingan ini bahkan juga jabatan tersebut menghendaki supaya bidang2 dan aktibiti2 lain yang berkaitan dengan sekolah2 juga akan di-titekberatkan dan di-galakkan.

Beliau juga sa-terus-nya menyeru semua guru2 besar supaya mengambil berat atas kepentingan dan usaha2 yang telah di-jalankan oleh guru2 yang di-bawah penguasaan mereka demi untok menchapai ka-arah kejayaan dan kemajuan sekolah mereka bersama.

Lebeh 800 buah lukisan dengan 9 jenis tajok lukisan dan hasil kerja-tangan dari 10 buah Sekolah Rendah Melayu di-bahagian Brunei Satu telah di-pertandingkan.

Lukisan2 dan Kerjatangan2 itu telah di-bahagikan kapada tiga perengkat, kumpulan A bagi murid2 yang berumor dalam lingkongan 6 hingga 7 tahun, kumpulan B bagi murid2 berumor 8 hingga 9 tahun dan Kumpulan C bagi murid2 yang berumor 10 tahun hingga ka-atas.

Sa-telah di-hakimkan, Sekolah Melayu Pusar Ulak telah munchol sa-bagai johan dengan mendapat 66 mata, Sekolah Melayu Tamoi Tengah jadi Naib Johan dengan mendapat 21 mata dan tempat ketiga telah di-dudoki oleh Sekolah Rendah Melayu Pehin Dato Jamil dengan hanya mendapat 19 mata.

Ketiga buah sekolah yang menang itu telah menerima Piala Rebutan sumbangan dari Jabatan Pelajaran yang telah di-sampaikan oleh Awang Haji Julaihi.

Lukisan2 dan hasil kerjatangan2 dalam pameran itu akan di-bawa ka-Pameran Perengkat Sa-Negeri yang akan di-adakan dalam pertengahan bulan Jun depan.

# Gerakan menyuntik akan di-teruskan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dalam menjalankan gerakan kempen penyuntikan telah pun memberikan suntikan kapada beribu-ribu orang guru2 dan murid2 di-102 buah sekolah2 dan maktab2 dan juga telah menyuntik beribu-ribu pendudok di-159 kampong2 di-seluroh negeri.

Ini termasok-lah 59 buah sekolah2 dan maktab2 di-Daerah Brunei dan Muara, 15 buah di-Daerah Belait, 13 buah di-Tutong dan 15 buah di-Daerah Temburong. Dari jumlah 159 buah kampong2 yang menerima suntikan, 105 buah kampong2 yang letak-nya di-Daerah Brunei dan Muara, 31 buah kampong2 di-Daerah Temburong dan 23 buah kampong2 yang letak-nya di-luar Bandar Daerah Kuala Belait.

Kempen suntikan kolera ini hingga hari ini maseh di-teruskan lagi. Hari ini (25hb Mei) rombongan penyuntikan dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan akan di-hantar ka-Sekolah Melayu Telisai dan Sekolah Melayu Danau di-Dearah Tutong untok memberikan suntikan kapada guru2 dan murid2 di-sekolah2 tersebut.

Pada 26 dan 28hb Mei rombongan dengan tujuan yang sama akan membuat kunjongan ka-Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya; Pg K.N. Bukit Beruang, Lubok Pulau dan Bukit Udal.

Guru2 dan murid2 di-Sekolah Melayu Sungai Damit Pemadang dan Sekolah Melayu Penapar akan menerima kunjongan dan seterus-nya suntikan dari rombongan dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

Sementara itu, kempen suntikan bagi kawasan luar bandar Daerah Belait maseh lagi di-teruskan dan hari ini rombongan suntikan dari Bahagian Kesihatan Kuala Belait akan membuat kunjongan dan seterus-nya memberikan suntikan menchegah kolera kapada pendudok2 di-kampong. Kempen suntikan ini akan di-jalankan di-sebelah pagi hingga ka-petang di-Balai Raya Kampong Lumut.

Pada 26hb Mei ini, rombongan yang sama akan berada di-Balai Raya Kg. Sungai Teraban pada sabelah pagi untok menjalankan gerakan menyuntik pada pendudok2 di-kampong tersebut.

Rombongan yang sama juga akan berada di-Balai Raya Kampong Kuala Balai untok memberikan suntikan kapada pendudok2 di-kampong2 tersebut pada pagi 28hb Mei ini.

Sementara itu rombongan Perubatan yang menggunakan pesawat Helikopter akan membuat kunjongan ka-Kampong Melilas di-Daerah Belait untok memberikan rawatan perubatan kapada pendudok2 di-kampong tersebut pada hari ini (25hb Mei).

Pada 30hb Mei, rombongan yang sama akan membuat penerbangan ka-Kampong Supon Besar di-Daerah Tutong untok memberikan rawatan perubatan bagi pendudok2 kampong itu.

Jabatan Perubatan dan Kesihatan sa-takat ini telah menjalnkan gerakan penyelidekan penyakit Malaria di-lima buah kampong di-Dearah Belait, Gerakan penyemboran ubat D.D.T. juga telah di-jalankan di-10 buah kampong2 di-Belait dan dua buah kampong2 di-Daerah Tutong.

Hari ini (25hb Mei) satu rombongan Jabatan Perubatan dan Kesihatan akan melakukan penyemboran ubat D.D.T. di-kawasan kampong Panchong Layong di-Daerah Tutong.

Pada 26hb dan 28hb Mei, gerakan penyemboran ubat D.D.T. juga akan di-jalankan di-kampong2 Pengkalan Pitou dan Benutan juga di-Daerah yang sama.

Sementara itu, satu gerakan untok penyelidekan dan pembanchian penyakit Filariasis (Untut) juga hingga hari ini maseh di-teruskan. Pada malam hari ini, rombangan penyelidek dari Jabatan Kesihatan akan berada di-Kampong Benutan di-Daerah Tutong untok mengambil chontoh2 darah dari pendudok2 di-kampong tersebut. Chontoh darah itu di-ambil bagi mengesan penyakit itu.

Rombongan yang sama juga akan mengunjongi kampong Panchong pada esok malam (26hb Mei) untok tujuan yang sama.

Ketua2 kampong bagi kampong2 tersebut dengan ini di-arahkan supaya memberikan kerja sama dengan mengumpulkan pendudok2 kampong masing2 di-satu tempat yang biasa-nya di-buatkan tempat perhimpunan untok memudahkan gerakan penyelidekan dan pembanchian ini di-jalankan.

# Kelas bimbingan K-sama

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 26 orang lagi pemimpin dari 7 buah Kedai Sharikat Kerjasama Daerah Tutong dan Belait telah mengikuti Kelas Bimbingan kali ketiga yang di-anjorkan oleh Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Pemimpin2 Kedai Sharikat Kerjasama itu terdiri dari Kedai2 Sharikat Kerjasama Kampong Birau, Keriam, Tanjong Maya, Kupang dan Telisai kelima2-nya dari Tutong dan Ingin Maju Mukim Labi serta Kerjasama Kenderaan dan Pengangkutan Labi dari Belait.

Kelas Bimbingan itu telah di-jalankan di-Bilek Persidangan Pejabat Daerah Tutong bermula pada hari Ahad lepas, 22hb Mei dan akan di-teruskan sahingga pada 29hb Mei, 5hb, 12hb, dan 19hb Jun ini.

Sa-jauh ini di-fahamkan sa-ramai kira2 60 orang pemimpin Kedai Sharikat Kerjasama di-seluroh negeri yang berdaftar dengan Pendaftar Kemajuan Kerjasama telah mengikuti Kelas Bimbingan tersebut.

# Penyampaian Sijil Trengkas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Trengkas Melayu Brunei akan mengadakan Majlis Penyampaian Sijil2 Terengkas Menaip, Steno dan Simpan Kira Aliran Melayu dari Terengkas Melayu Institute, Singapura bagi Daerah Brunei dan Muara pada hari Selasa, 31hb. Mei, 1977 mulai jam 8.00 pagi bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan.

Penyampaian Sijil2 tersebut akan di-lakukan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Abdul Razak bin Haji Muhammad.

Sijil2 yang akan di-sampaikan tersebut ada-lah sijil2 bagi tahun 1975 dan bulan Jun 1976 yang belum lagi di-ambil oleh penuntut2 yang berkenaan, yang maseh ada dalam simpanan Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Kira2 100 orang penuntut akan menerima sijil2 mereka di-majlis tersebut.

Kapada penuntut2 yang berkenaan, Guru2 Perdagangan Daerah Brunei dan Muara serta Ahli2 Persatuan Trengkas Melayu Brunei ada-lah di-persilakan hadhir ka-majlis itu.

# *Kursus Sivik Guru2 Besar Sekolah2 Ugama*

BANDAR SERI BEGAWAN.— Satu kursus sivik Guru2 Besar sekolah2 Ugama seluroh negeri akan di-langsongkan pada 19hb hingga 23hb Jun 1977 akan datang. Kursus yang berthemakan 'Pendidekan ka-arah keimanan dan kejujoran dalam pembangunan negara itu dii-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Sa-ramai 100 orang Guru2 Besar Sekolah2 Ugama seluroh negeri di-jangka akan menghadhiri kursus tersebut yang akan di-langsongkan di-Pusat Belia sini. Kursus tersebut berthemakan 'Pendidekan ka-arah keimanan dan kejujoran dalam pembangunan negara'.

Sa-banyak sembilan tajok cheramah akan di-sampaikan pada masa kursus itu ia-lah: Peranan guru dalam bidang dakwah islamiah; Perkhidmatan penerangan; Ranchangan perpindahan Kerajaan; Perkhidmatan kemajuan kerjasama; Lembaga kemajuan ekonomi; Gerakan urat saraf; Ranchangan lima tahun Kerajaan; Keselamatan negara dan Masaalah sekitar tanah dan peranchangan bandar dan desa.

Pada 22hb, di-sebelah malam satu Majlis Foram akan di-adakan. Ahli2 foram terdiri: Pengarah Pelajaran Brunei, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama. Lawatan2 ka-Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara dan Batalion Askar Melayu Diraja Brunei akan di-selenggarakan oleh pehak penganjor kursus dengan kerjasama pehak2 yang bersangkutan.

# Hadhiri Kongres

BERAKAS.— Sa-orang Penyelia Jururawat di-Hospital Umum Bandar Seri Begawan, Dayang Rokiah bte Zakiah telah berlepas ka-Jepun pada hari Ahad lepas untok mewakili negeri ini ka-Perhimpunan Kongres Jururawat Antarabangsa di-sana.

Kongres Jururawat Antarabangsa itu di-jangka akan berjalan sa-lama saminggu bermula dari 28hb Mei ini dan berakhir pada 4hb Jun depan.

Kongres tersebut akan di-hadhiri oleh anggota2 dari Majlis Kebangsaan Jururawat dari seluroh dunia.

# Perlumbaan motosikal

MUARA. — Satu Perlumbaan Motosikal Scramble untok memileh penunggang yang terbaik bagi menyertai ka-Perlumbaan Motosikal Grand Prix Brunei telah di-adakan di-sini pada pagi Ahad lalu.

Perlumbaan ini ada-lah anjoran Persatuan Automobile Brunei dan merupakan satu projek bulanan persatuan itu.

Salah sa-orang juruchakap Persatuan tersebut menyatakan bahawa perlumbaan Motosikal pada hari itu ada-lah untok memileh penunggang motosikal yang terbaik bagi menyertai Perlumbaan Motosikal Grand Prix yang di-jangka akan di-adakan dalam bulan Julai depan.

Sementara itu satu rombongan yang di-ketuai oleh YDP Persatuan Automobile Brunei, Awang Osman Omar akan bertolak ka-Republik Singapura esok untok menghadhiri Persidangan Pelanchongan Antarabangsa yang di-adakan pada 27hb hingga 30hb Mei ini.

# PERJALANAN KA-TANAH SUCHI

Siri 21

OLEH:
HAJI ABDUL AZIZ JUNED
KETUA
PEGAWAI PERHUBONGAN HAJI
TAHUN 1396/1976.

SAYA ingin menulis sedikit lagi mengenai Al-Hajarul Aswad yang telah saya sebut dalam tulisan saya pada minggu lepas. Berkata Aminah Al-Sawi pengarang buku Al-Ka'bah Al-Mu'azzamah chetakan Kaherah, bahawa Al-Hajarul Aswad atau Al-Hajarul As'ad itu pada asal mula-nya ada-lah batu yang berchahaya2 sa-hingga dapat menerangi tempat2 sekitar-nya di-sebabkan oleh keadaan-nya yang amat puteh melepak. Tetapi kemudian menjadi hitam di-sebabkan oleh dosa manusia. Ada pun keterangan pengarang buku ini bersesuaian pula dengan Hadith2 Sahih yang menyebut:

كَانَ أَشَدُّ بَيَاضًا
مِنَ اللَّبَنِ وَإِنَّمَا
سَوَّدَتْهُ خَطَايَا
بَنِي آدَمَ - الحديث

yang bermaksud: *"Ada-lah Al-Hajarul Aswad itu amat puteh, lebeh puteh daripada susu, dan adapun yang menghitamkan-nya ia-lah dosa2 Bani Adam."*

Sa-lanjut-nya Aminah Al-Sawi menulis agak panjang tentang Al-Hajarul Aswad ini sambil memaparkan beberapa kejadian sejarah, yang antara-nya bagaimana batu itu mula2 di-ikat dengan perak oleh Abdullah bin Az-Zubir, iaitu hal mana berlaku sasudah kejadian Ka'abah terbakar buat yang kedua kali-nya. Tetapi lama kelamaan bingkai perak yang di-pasang oleh Abdullah bin Az-Zubir ini merkah2, dan bahkan sa-bahagian-nya ada yang tanggal. Keadaan ini tinggal terbiar untok beberapa ketika.

## HARUN AR-RASHID

Dalam tahun 189 H., Khalifah Harun Ar-Rashid telah ber'Umrah, dan waktu itu-lah Baginda telah memerentahkan supaya bingkai perak itu di-pisahkan mengganti-nya dengan batu, yang menjadikan Al-Hajarul Aswad berada ditengah2 antara batu tersebut yang di-tebok sa-belah atas dan bawah-nya dengan intan, yang menjadikan kedudokan Al-Hajarul Aswad tegap dan kuat.

## ABU TAHIR AL-QORMUTI

Pada 7hb Zulhijjah tahun 317 atau 319 H., telah datang ka-Mekah sa-orang musoh Allah, ia-itu *Abu Tahir Al-Qormuti* yang juga di-kenal sa-bagi Sulaiman bin Al-Hassan Al-Janabi, pemimpin puak Qaramitah. Bersama Abu Tahir ia-lah pengikut2-nya yang berjumlah sa-ramai 900 orang. Dalam keadaan saperti orang mabok, Abu Tahir merempoh dan menodai Tanah Haram ini dengan senjata terhunus di-tangan-nya, sedang masa itu manusia beribadat kapada Allah, merafa'kan do'a tawaf di-keliling Baitullah. Dari sini Al-Qormuti berteriak2 dengan tidak menghiraukan orang2 yang beribadat:

*"Berhenti semua daripada berdo'a wahai manusia... berhenti! Atau kechelakaan akan menimpa kamu!"*

Mendengar itu, Ibnu Muharib, pemerentah Mekah masa itu bertanya kapada Al-Qormuti:

*"Apa-kah yang kamu chakapkan ini, wahai kafir yang durjana?"*

Menjawab Al-Qormuti:

*"Aku kata berhenti dari pekerjaan yang sia-sia ini, dan jika tidak, mata pedang kami ini akan singgah di-tengkok2 kamu semua, wahai keldai!"*

Al-Hafiz Abdul Fadzl tidak dapat menahan marah-nya mendengar kata2 kesat dari Al-Qormuti itu, lalu teriak-nya:

*"Chelaka engkau, dan chelaka! Ini-kah kata2 yang kamu uchapkan dalam rumah Allah dan di-hadapan penguasa Mekah?"*

*"Hari ini tidak ada raja atau penguasa di-sini salain aku...! Aku-lah raja, hakim dan pemerentah! Siapa yang membantah atau menghalang, mereka itu akan bertanggong-jawab semua-nya."* Balas Al-Qormuti.



Hajarul - Aswad

Kemudian ia beraleh kapada orang2-nya dan berkata:

*"Kepong semua mereka, dan jangan di-biarkan saorang pun yang terlepas."*

Menyampok Ibnu Muharib:

*"Ada-kah patut engkau lakukan ini sedang kami tidak bersenjata, dan lagipun kedatangan kita kamari ia-lah untok menunaikan sembahyang?"*

Al-Qormuti tidak menghiraukan, dan bahkan terus memberi arahan kapada orang2-nya:

*"Bunoh mereka, dan jangan ada yang di-beri peluang menunaikan sembahyang... tidak ada sembahyang sa-lepas hari ini... hari ini ia-lah hari pembunohan dan penyembelihan sa-mata2."*

Rumah Allah itu pun di-kepong oleh pengikut2 Al-Qormuti. Sa-tengah orang menchuba untok menyelamatkan diri, tetapi pengikut2 Al-Qormuti lebeh pantas menetak dan memandikan pedang2 mereka dengan darah, sa-hingga ramai-lah yang mati di-kalangan orang2 haji, samada yang tidak sempat keluar dari Masjidil Haram mau pun yang di-luar masjid. Yang terbunoh dalam Masjidil Haram saja 1,700 orang dan ada juga keterangan lain: champor lelaki dan perempuan semua-nya 13,000 orang.

Selesai pembunohan, Al-Qormuti beraleh semula ka-Ka'abah, dan memerentahkan orang2-nya supaya mengambil semula apa jua barang2 berharga yang terdapat pada Ka'abah, termasok-lah Qubbah Zamzam dan pintu Ka'abah sendiri. Hanya yang tinggal ia-lah Panchuran Emas yang terletak di-atas bangunan Ka'abah. Sa-baik2 sahaja menyedari hal ini, Al- Qormuti dengan tidak berlengah2 memerentahkan siapa di-antara orang2-nya untok memanjat Ka'abah dan membawa turun Panchuran itu, sambil berkata:

*"Itu Panchuran Emas... kenapa kamu tinggalkan? Pergi salah sa-orang dari kamu memanjat-nya dan bawa kapada-ku lekas!"*

Mendengar itu, salah saorang di-antara orang2 Al-Qormuti tampil untok melaksanakan arahan tersebut, lalu dengan tidak berlingah memanjat-nya, hingga sampai *ka-sutoh* (atap) Ka'abah di-mana terdapat Panchuran itu. Sa-baik2 sahaja hampir hendak menchapai Panchuran tersebut untok membuka-nya, maka dengan takdir Allah, dalam bentok suatu anak panah berachun tiba2 melayang dari arah Jabal Abi Qubis mengenai sasaran-nya, hingga jatoh-lah jasad yang jahat itu kaku di-bumi.

Maka sekalian pengikut2 Al-Qormuti yang menyaksikan kejadian ini merasa terkejut dan tertanya-tanya tentang anak panah: Dari mana dan bagaimana ia datang mengenai kawan mereka itu? Sungguh pun begitu, Al-Qormuti maseh juga berdegil, tetap menengking memerentahkan pengikut-nya supaya terus memanjat dan membawa Panchuran itu kapada-nya. Akan tetapi sa-orang pun tidak memperdulikan-nya. Mereka enggan untok memanjat buat kali yang kedua.

Lalu Al-Qormuti beraleh memerentahkan supaya Al-Hajarul Aswad di-buka, tetapi ternyata mereka tidak dapat melakukan-nya tanpa champor tangan saorang tukang yang mahir untok berbuat demikian. Maka di-chari-lah tukang yang bernama Ja'afar bin Abi 'Elaj membuka-nya. Sa-sudah di-buka, maka oleh Al-Qormuti di-perentahkan-nya mengangkat dan membawa ka-negeri-nya HAJARA, ia-itu dalam negeri Bahrin. Kata satu *qaol*, ada 40 orang yang mengangkat-nya dan kasemua-nya mati sa-orang lepas sa-orang.

Dalam pada itu Al-Qormuti tetap berdegil dan menchuba untok meyakinkan pendudok Mekah dengan memberi tahu mereka, bahawa dia (Al-Qormuti) hanya bertindak bagi pehak 'Ubaidullah Al-Mahdi, saorang Imam Shi'ah Al-Isma'ili (lihat Tarikh Ibnu Khaldun Jilid 4 m.s. 11).

Tetapi manakala sampai kapada Al-Mahdi hal ini, beliau menulis dengan sangat marah kapada Al-Qormuti: "...... *Sunggoh heran kamu telah menjual nama kami dengan dosa2 yang kamu telah lakukan di-Tanah Haram..., kemudian dengan senghaja kamu lakukan itu semua hingga terpulak Al-Hajarul ia-itu "yaminullah" di-muka bumi, dan kamu bawa ka-negeri kamu dengan harapan supaya kamu di-puji... tidak! Bahkan laknat Allah ada-lah untok kamu, dan ada pun salam sejahtera kami hanya-lah untok mereka yang sejahtera umat Islam dari lidah dan tangan nya."* Begitu-lah isi surat Al-Mahdi kapada Al-Qormuti.

Al-Qormuti menyimpan Al-Hajarul Aswad di-tempat-nya HAJARA dalam negeri Bahrin sa-lama 22 tahun... dan adapun tempat letak batu itu di-Ka'abah tetap tinggal kosong dan orang2 hanya meletak tangan di-sana untok mengambil berkat.

## SEBAB PERBUATAN AL-QORMUTI

Mengapa Abu Tahir Al-Qormuti bertindak sa-gila itu, ia-lah kerana dia bermimpi mendirikan Ka'abah yang lain di-tempat-nya HAJARA dan kerana itu ingin benar2 menjadikan mimpi-nya itu suatu kenyataan dengan memindahkan Al-Hajarul Aswad dan meletak-nya dalam sa-buah bangunan sa-akan2 Ka'abah di-negeri-nya, dengan harapan negeri itu akan ramai di-kunjongi oleh manusia sa-bagaimana orang2 berkunjong ka-Mekah Al-Mukarramah. Tetapi apa yang di-duga oleh Al-Qormuti ini meleset, tidak ada yang mau berkunjong kasana walau pun ia di-buka sa-luas2-nya kapada siapa jua yang mau masok.

## AL-HAJARUL ASWAD DI-PULANGKAN

Sa-telah puas menunggu lebeh dari 20 tahun, tidak juga berhasil menarek orang ramai ka-negeri-nya. maka Al-Qormuti pun sampai berputus asa. lalu mengambil keputusan memulangkan sa-mula Al-Hajarul Aswad ka-Ka'abah yang asal di-Mekah Al - Mukarramah. Orang yang di-perentahkan membawa-nya bernama Sanbar bin Al-Hasan Al-Qormuti, ia-itu pada hari Selesa bertepatan Hariraya Adzha tahun 339 H.

Maka dengan itu berteriak-lah batin insani kesukaan, khusus-nya mereka yang masa itu berada di-Tanah Suchi, berkumandang-lah tahlil dan takbir tanda bershukor ka-hadzirat Allah kerana balek-nya sa-mula Al-Hajarul Aswad ka-tempat asal-nya. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahil Hamd.

Demikian-lah suatu perchubaan yang keji daripada orang2 Qaramitah suatu mazhab yang *mulhidin* yang tidak perchayakan Allah. Mereka chuba menoda dan merosakkan shi'ar Ugama Allah, tetapi perhatikan-lah, sa-jauh mana mereka berhasil dan bagaimana akhir-nya mereka mendapat malu di-hinakan oleh sejarah-nya sendiri, sedang shi'ar tadi tetap dalam pemeliharaan Allah dan di-pulangkan ka-tempat asal-nya. Apa-kah ini bukan ke'ajaiban nama-nya?

Demikian-lah antara lain isi buku Al-Ka'abah Al-Mua'zzamah yang saya petek dari muka surat 199 hingga 205. Akan kita sambong lanjutan-nya pada minggu hadapan, insha Allah.

(BERSAMBONG)

# Mereka yg terpileh

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai empat dari 11 orang peserta telah terpileh untok menyertai pertandingan Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an Perengkat Daerah yang akan di-adakan di-sini tidak lama lagi.

Mereka yang berjaya di-pileh ia-lah Awang Tahir bin Haji Jaafar, Awg Abdul Ghaffar bin Ghani, Dayang Maimunah bte Haji Jaafar dan Dayang Aishah bte Hj Jaafar.

Mereka itu telah di-pileh dalam satu peraduan Membacha Kor'an bagi Bahagian Brunei Dua yang telah di-adakan di-Mesjid Jameq Sengkurong petang hari Ahad lalu.

Hadiah kapada pemenang2 di-peraduan itu telah di-sampaikan oleh Pemangku Kadzi Besar Brunei, YB Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awg Hj Abdul Hamid bin Bakal.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 1hb. hingga 6hb. Jun, 1977

| Tempat Persinggahan | Tarikh | Hari | Masa |
|---|---|---|---|
| Kg. Dato Gandi, Kawasan Jambatan | 1.6.1977 | Rabu | 8.30- 9.00 pagi |
| Kg. Serasa, Sekolah Melayu Serasa | 1.6.1977 | Rabu | 10.00-10.30 pagi |
| Kg. Mentiri, Sekolah Melayu Mentiri | 1.6.1977 | Rabu | 10.45-11.15 pagi |
| Kg. Sungai Besar, Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin | 1.6.1977 | Rabu | 11.30-12.00 tengah hari |
| Kg. Sengkurong, Kawasan Masjid | 4.6.1977 | Sabtu | 2.00- 3.00 petang |
| Kg. Kilanas, Sekolah Melayu OKSB, Kilanas | 4.6.1977 | Sabtu | 3.15- 4.15 petang |
| Kg. Sungai Hanching, Sekolah Melayu Sungai Hanching | 6.6.1977 | Isnin | 3.00- 4.00 petang |
| Pekan Muara, Berhadapan Kedai Muara | 6.6.1977 | Isnin | 4.30- 5.30 petang |




# Dampingi amanah, jauhi khianat dan perangai jahiliah moden

ADA-LAH sangat mudah bagi sa-seorang menyebut perkataan "amanah" dan begitu juga lawan dari perkataan tersebut, ia-itu "khianat". Tetapi sa-takat pandai dan sedap menyebut sahaja belum-lah di-kira berfaedah. Bahkan yang di-tuntut ia-lah, di-samping pandai menyebut dan faham akan maksud-nya, juga sa-seorang itu hendak-lah pula dapat memenohi tuntutan shara' mengenai-nya: menunaikan amanah itu dengan sa-baik2-nya dan menjauhi perbuatan khianat.

Oleh Al-Kor'an telah di-terangkan jenis2 khianat yang sangat keras di-tegah saperti firman-Nya dalam surah Al-Anfal ayat 27 yang kira2 bermaksud: "Wahai orang2 yang beriman, jangan-lah sa-kali2 kamu berkhianat kapada Allah dan Rasul dan juga jangan-lah berkhianat kapada amanah2 yang di-perchayakan kapada kamu, sedang kamu mengetahui-nya".

Ada-lah terang dari maksud ayat di-atas, bahawa khianat yang paling keras di-tegah dan bahkan sangat berdosa melakukan-nya, ia-lah berkhianat kapada Allah dan Rasul. Berkhianat kapada Allah dan Rasul itu dalam erti yang sa-luas2-nya ia-lah, dengan mulut dan lidah-nya memperchayai Allah dan Rasul tetapi kenyataan yang ditentukan oleh batin-nya, dia ada-lah membelakangi kedua-nya. Perbuatan membelakangi itu samada lahir dari perkataan atau suara hati yang menunjokkan tanda2 anti Allah dan Rasul, atau dapat juga disebut sa-bagai anti ugama-nya yang hak, ugama Islam yang telah di-redhakan-nya untok kita, sa-bagaimana firman-Nya dalam surah Al-Ma'edah ayat 3 yang bermaksud kira2:

*"Pada hari ini, telah Ku sempurnakan untok kamu ugama kamu, dan telah Ku chukopkan kapada kamu nekmat Ku, dan Aku telah redha Islam itu menjadi ugama kamu".*

Perbuatan anti ugama Allah ini bukan tertentu pada satu atau dua jenis kelakuan sahaja, tetapi ia-nya ada-lah banyak, sebab itu-lah Ulama'2 apabila mereka memperkatakan berkenaan dengan tanda2 kufur dan shirik itu, ada yang sampai menjuntun mithalan2 atau chontoh2 perbuatan dan termasok-lah perkataan yang boleh membawa kapada kufur, dari yang sa-besar2-nya hinggalah kapada yang sa-kechil2-nya. Umpama-nya melahirkan rasa hati tidak suka kapada shi'ar2 ugama Allah saperti tempat2 beribadat, atau melarang perbuatan azan kerana takut bising mithal-nya, ada-lah semua itu terjumlah dalam ma'ana anti ugama Allah yang amat besar mudharat-nya dari segi keimanan sa-seorang.

Apatah lagi jika terang2 berusaha bagi menghalangi perkembangan dan kemajuan Allah, atau mengejek2 ugama tersebut sa-bagai kolot dan othodoks dan lain2 lagi, atau senghaja melanggar dan meringan2-kan hukum Allah, mengharus dan menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal, ada-lah semua itu dari jenis2 kufur dan shirik. Dan bahkan jika hendak di-sebut kesemua jenis2 itu ada-lah amat banyak sa-kali sa-bagaimana di-terangkan dalam kitab2 ugama saperti oleh kitab karangan Ibnu Hajar yang bernama Az-Zawajir.

Oleh kerana itu wahai kaum muslimin! Mari-lah kita sama2 beringat, supaya jangan sampai terjerat kadalam perangkap dosa yang amat besar ini, ia-itu dosa kufur dan shirik, lebeh2 lagi dalam dunia yang serba mendesak dan mendurong kapada "benda" saperti hari ini, di-mana orang tidak tahu pahit tetapi suka yang lazat2 belaka, yang kerana itu-lah hawa nafsu di-jadikan raja yang berkuasa atas hati, atas kepala dan atas lidah. Maka natijah-nya, munchol-lah jahiliah moden di-kalangan umat, ramai-lah kaum munafik yang menikam dari belakang dan dari dalam, sedang di-luar dan di-atas bibir ia mengaku ta'at dan setia kapada Allah dan ajaran2 yang di-bawa oleh junjongan Nabi Muhammad s.a.w.

Mari-lah sama2 kita berbuat baik dan melaksanakan amanah terhadap Allah dan Rasul, dan mematohi perintah yang berikut dalam soal ini, ia-itu menunaikan amanah, ya'ani tidak melakukan sa-barang pengkhianatan terhadap bangsa, terhadap siapa saja yang memberikan amanah, menjaga baik tanggong-jawab diri sendiri dan melaksanakan-nya dengan chara yang sa-baik2-nya dengan tidak keluar garis2 yang di-tentukan oleh shara'. Perchaya-lah bahawa hanya amanah yang dapat mengukohkan keperchayaan serta mengelokkan pekerjaan, memberikan mutu yang terjamin baik dari segi pandangan kemanusiaan mau pun di-sisi Allah s.w.t.



Awang Abdul Aziz bin Mohammad, Pemangku Pegawai Daerah Temburong sedang menyampaikan hadiah kemenangan kapada Dayang Halimah bte Haji Badar.

# Peraduan membacha Al-Kor'an dan Sharahan



Ak. Mashor bin Pg Umar, johan sharahan lelaki sedang beraksi.

BANGAR, Temburong. — Dua orang murid Sekolah Ugama di-Daerah Temburong telah terpileh sa-bagai johan dalam peraduan membacha Al-Kor'an dan Sharahan di-daerah itu yang di-adakan pada malam Khamis, 5hb Mei, 1977 bertempat di-Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah di-sini.

Peraduan tersebut telah di-rasmikan oleh Awang Hj Abdul Saman bin Kahar, Ketua Pelajaran Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Dayang Halimah bte Hj Badar menjadi johan dalam membacha Al-Kor'an bahagian Perempuan 'A' manakala Ak Mashor bin Pg Umar sa-bagai johan dalam peraduan sharahan lelaki. Kedua2-nya dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Bangar.

Peraduan pada hari itu telah juga turut di-hadhiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Raja Haji Abu Bakar; Dato Paduka Haji Ishak bin Adam, Kadhi Daerah Temburong dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Mohammad yang juga telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir peraduan.



BERUMOR 23 tahun dan memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd Alimin bin Abdullah, Endu anak Jelum telah melangsongkan pengIslaman-nya di-rumah Awg Raini bin Husain di-Kampong Burong Pingai Ayer pada 16hb Mei lalu di-hadapan Hj Badaruddin bin Pgh Haji Othman, Penguasa Penerangan dan Tabliq, Brunei.

# Bimbingan untok mualaf

PEKAN TUTONG. — Sa-ramai 110 orang mualaf di-Daerah Tutong telah menghadhiri Majlis Bimbingan Pengetahuan Ugama Islam yang di-adakan sa-lama sa-hari pada hari Ahad, 15hb Mei yang lalu.

Majlis Bimbingan yang di-adakan di-dewan Masjid Hassanal Bolkiah hari itu telah di-rasmikan oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Ia-nya di-adakan dengan tujuan untok membimbing mualaf2 di-dearah itu ka-arah memperaktikkan hidup berugama dan menguatkan lagi keyakinan mereka terhadap ugama yang telah mereka yakini.

Majlis itu telah juga di-penohi dengan tiga buah cheramah yang di-sampaikan oleh tiga orang Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Bakal telah turut memberikan cheramah-nya yang bertajok 'Mengapa kita memelok Islam', 'Sembahyang dan Puasa' telah di-cheramahkan oleh Awg Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Penguasa Penerangan dan Tabligh serta cheramah 'Sifat2 Orang Islam' telah di-sampaikan oleh Awang Hj Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan.

Majlis yang bermula pada jam 8.00 pagi itu dan berakhir pada jam 3.30 petang telah turut di-hadhiri oleh Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pegawai2 Kerajaan. Ia-nya turut di-serikan lagi dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Dyg Jamliah bte Haji Abdul Manap.



Sa-bahagian dari mualaf2 perempuan Daerah Tutong yang menghadhiri Majlis Bimbangan Pengetahuan Ugama Islam yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25hb Mei, 1977 hingga ka-hari Selasa 31hb Mei, 1977 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 26hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 27hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 28hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 29hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 30hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 31hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# SEMINAR PENGETAHUAN UGAMA ISLAM DI-KALANGAN PENUNTUT

*PELAJARAN Pengetahuan Ugama Islam yang di-ajarkan di-sekolah2 menengah telah berkurangan dalam meliputi unsor pengajaran Tauhid ka-atas penuntut2 di-perengkat menengah atas yang akibat-nya men-jejaskan perhatian penuntut untok terus dan menyempurnakan pela-jaran di-bidang Ugama Islam.*

*Hal tersebut tidak kurang juga boleh menghilangkan ketuhanan dan akidah pelajar2 Islam terhadap Ugama Islam itu sendiri. Ini perlu di-perbaiki dengan meluaskan lagi pengajaran Tauhid agar dengan jalan itu saja segala pencharoba dari di-sesatkan oleh ketena-tan kerontohan moral masharakat dunia barat yang menjalar di- sa-genap pelusok dunia hari ini dapat di-hindarkan.*

*Di-harapkan guru2 ugama yang mengajar dengan penoh penga-laman di-perengkat menengah dewasa ini di-ambil perhatian semoga dengan itu juga dapat menarek perhatian penuntut2 yang kurang ber-minat dalam mata pelajaran Ugama Islam akan menampakan minat yang menggalakkan.*




*Kelolaan*
*Mohamad Salim*

## Siri 4

**PENYERTAAN DAN PERANAN PENUNTUT2 DALAM MEMPERLUAS FAHAM DAN AMALAN KEISLAMAN SA-BAGAI CHARA HIDUP.**

DI-SEDIAKAN OLEH:
PENUNTUT2 MAKTAB SOAS (S).

Jabatan Pelajaran Khas-nya Jabatan Hal Ehwal Ugama, mengadakan satu sukatan pelajaran "PENGETAHUAN UGAMA ISLAM" bagi kegunaan Seko-lah2 Menengah Rendah/Atas dari ting-katan satu hingga ka-tingkatan lima. Perkara2 yang terkandong di-dalam su-katan tersebut ia-lah Perkara Tauhid, Feqeh, Sejarah Islam, Tafsir Al-Kor'an dan Hadith, sukatan pelajaran Ugama Islam berjalan beberapa tahun yang lalu, ini khusus-nya di-sekolah2 Menengah aliran Inggeris.

Pelajaran mengenai dengan KETU-HANAN (TAUHID). Jika di-semak dengan teliti sukatan pelajaran tersebut, kita akan dapati sa-macham ada-nya pengabaian tentang pelajaran mengenai ketuhanan dalam bahagian tauhid. Sa-chara ringkas sukatan pelajaran tauhid di-pechah2kan saperti berikut: Bagi tingkatan 1: Perchaya kapada Tuhan dan Malaikat2-nya; Bagi tingkatan 2: Perchaya kapada Kitab2 Allah; Bagi tingkatan 3: Perchaya kapada Pesuroh2 Allah; Bagi tingkatan 4: Perchaya ka-pada Hari Akhirat (Kiamat); Bagi ting-katan 5: Perchaya kapada Qadha dan Qadar.

Dari pembahagian2 yang di-buat sa-perti di-atas kita akan dapati pelajaran mengenai dengan Ketuhanan hanya di-ajarkan kapada penuntut2 di-tingkatan menengah satu sahaja. Sedangkan tingka-tan yang sa-terus-nya pelajaran yang tersebut sudah tidak di-ajarkan lagi. Implikasi-nya, pengetahuan pelajar khas-nya pelajar2 Islam yang menuntut di-tingkatan2 yang sa-lanjut-nya tentang ketuhanan sangat sedikit sa-kali. Lama kelamaan pengetahuan yang sedikit itu akan sa-makin nipis dan terus menghi-lang. Dengan itu pelajaran2 tentang Kitab2 Allah, Pesuroh2 Allah, Hari Kiamat, dan Qadha dan Qadar tidak akan meninggalkan kesan yang mendalam khas-nya kami sa-bagai penuntut yang menghadapi pelajaran tersebut.

Di-sini-lah letak-nya kelemahan su-katan pelajaran tauhid ini, sa-patut-nya pelajaran mengenai dengan ketuhanan hendak-lah terus di-ajarkan kapada kami penuntut2 yang terlibat, tegas-nya di-ajarkan di-tingkatan2 dua hingga-lah ka-tingkatan2 lima. Supaya konsep ketu-hanan yang menjadi akidah dalam tang-gapan kami pelajar2 yang terlibat dalam sukatan pelajaran tersebut akan terus ber-akar umbi dan sa-makin bertambah ku-koh. Moga2 nanti dapat menjamin kete-gohan IMAN kami semua penuntut2 dari di-gugat oleh suasana dunia hari ini yang serba menchabar.

Dalam soal ini terlalu banyak dan luas pengetahuan mengenai dengan KE-TUHANAN yang boleh di-sogokkan ka-pada kami pelajar2 yang terlibat. Kajian2 sa-chara mendalam boleh di-buat mengi-kut perengkat2 pemahaman yang wajar. Supaya suatu hari nanti kami pelajar2 akan lahir sa-bagai sa-orang penganut yang benar2 berjiwa KEISLAMAN, yang sukar di-chabar oleh situasi sekeliling dan yang mengugat akidah.

Bertolak dari hal ini juga ia-lah ten-teng pengelibatan GURU2 UGAMA yang mengajar di-sekolah2 Menengah Atas khas-nya tingkatan empat dan lima, lebeh umom sa-kali jangan sa-takat untok mengisikan PERIOD2 yang telah di-peruntokkan oleh satu2 sekolah, yang perlu ia-lah kekosongan itu hendak-lah di-isi benar2 oleh GURU2 yang punya banyak pengalaman dalam satu2 pelaja-ran, tidak sa-bagaimana yang ada seka-rang ini, ini bukan-lah satu tuduhan sa-chara melulu sahaja. Pertukaran satu guru kapada satu guru yang lain meng-akibatkan pelajaran Ugama Islam terjejas kapada kami khas-nya penuntut2 yang berada di-tingkatan empat dan lima yang akan mengambil pepereksaan akhir.

Tidak di-nafikan sama sa-kali bukan-lah bererti sa-tiap kegagalan penuntut2 hanya berkisar pada kesalahan guru2 sa-mata2, malah kedua2-nya sa-kali ha-rus di-persalahkan. Tetapi, pada umom-nya guru memainkan peranan yang sung-goh penting sa-kali untok mengubah tabi'at penuntut2 yang kurang minat tentang pelajaran Ugama Islam, sa-ti-dak2-nya akidah keperchayaan dan ke-yakinan kapada diri sendiri harus di-tanamkan di-jiwa sa-tiap penuntut. Ini dengan tegas guru2 ugama khas-nya perlu memainkan peranan-nya.

Pengabaian tentang sebutan (muhrij) sa-waktu mengajar Tafsir dan Hadith, sunggoh meninggalkan kesan yang ku-rang baik kapada kami semua, dan akibat-nya siapa-kah yang akan di-per-salahkan dalam persoalan ini? Pada lojik-nya Jabatan Hal Ehwal Ugama ba-hagian Pelajaran ada-lah memainkan peranan-nya yang penting untok menga-tor dan meletakkan kapada sa-tiap GU-RU2 pada tempat yang sa-wajar-nya dan ada-lah di-harapkan penoh guru2 ugama yang punya pengalaman dan lama me-ngajar di-tingkatan2 empat dan lima di-ketengahkan. Hendak-nya apa yang kami perkatakan ini tidak-lah di-anggap sa-bagai berupa sentimen atau terlalu fana-tik. Apa yang kami luahkan ini ada-lah satu kenyataan yang ujud sekarang ini dan semoga dengan saranan2 tersebut di-atas akan mendapat perhatian yang sa-wajar-nya dari pehak yang berwajib.

Tidak dapat di-nafikan juga chara penyampaian pelajaran ugama yang ber-kesan ia-lah dengan memberikan penga-laman sa-chara langsong. Penyampaian pelajaran ibadat mithal-nya amat-lah sesuai sa-kali dengan sa-chara praktikal terutama-nya dalam pelajaran2 yang ber-kisar di-tingkatan lima ia-itu HAJI. Dan untok memenohi tujuan ini, maka perlu-lah sa-buah sekolah itu mengadakan sa-buah bilek khusus yang di-lengkapkan dengan alat2 yang praktikal yang leng-kap saperti: a. Peralatan sembahyang yang lengkap saperti sejadah, kain tel-


**Perwakilan Seminar Pengetahuan Ugama Islam di-Kalangan Penuntut2 dari Maktab Anthony Abell, Seria (Gambar JHEU).**

kong dan lain2 lagi; b. Model Ka'bah, Jumrah, ayam itek, kambing, unta (sa-chara gambar) pisau, buloh, tandok (un-tok pelajaran sembelihan); c. Kompas — untok menentukan arah kiblat; d. Peta2 Timor Tengah khas-nya dunia Islam am-nya untok faedah pelajaran SEJARAH ISLAM.

Sa-lain daripada perkara yang terse-but di-atas amat-lah perlu pehak2 yang berwajib mendirikan sa-buah surau khas, terutama di-sekolah2 yang berasrama, sa-bagaimana di-sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah.

